

## AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 3 RABU 15 JANUARI, 1969 1388 رابو 25 شوال PERCHUMA

### Masaalah murid2 Ugama rendah yang menumpang di-sekolah Melayu

**BANDAR BRUNEI.** — Kerajaan telah mengadakan peruntokan sabanyak lebeh dari \$400,000.00 untok ranchangan pembenaan sekolah2 Ugama rendah di-seluruh negeri untok menenampatkan murid2 ugama yang menumpang di-sekolah2 Melayu sejak beberapa tahun dulu.

Ini telah di-nyatakan oleh Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota, Pengiran Muda Kamaluddin di-sidang Majlis Mashuarat Negeri yang baru lalu.

Kenyataan itu di-buat beliau berikutan dengan keraguan yang di-timbulkan oleh wakil2 raayat dalam sidang itu yang menimbulkan nasib murid2 ugama yang di-katakan mereka sa-bagai belajar menumpang di-bangunan2 sekolah2 Melayu.

Yang Amat Mulia menyatakan bahawa Jabatan Hal-Ehwal Ugama ada-lah menyedari akan tekanan2 itu yang bukan hanya berlaku di-satu daerah sahaja, bahkan meliputi kapada daerah2 yang lain di-negeri ini.

"Walau pun bagitu, tekanan2 serupa itu sa-jauh ini tidak berlaku di-Daerah Brunei dan Muara kerana bangunan2 yang ada sekarang ada-lah di-fikirkan menchukupi", tegas beliau.

Beliau juga menegaskan bahawa sa-bahagian dari sekolah2 Melayu di-pendalaman maseh boleh di-satukan dengan sekolah ugama yang di-adakan di-situ.

"Tetapi", kata-nya, "Kerajaan tidak-lah membiarkan keadaan itu berlanjutan bahkan usaha ada-lah di-jalankan untok mengatasi-nya lebeh2 lagi memandang kapada bertambah-nya murid2 tahun demi tahun".

Yang Amat Mulia menegaskan bahawa peruntokan telah

(Lihat Muka 8)



Y.A.M. Pengiran Setia Negara  
Pengiran Haji Md Yusof.

### RAAYAT DI-GALAKKAN

### BUKA PERUSAHAAN

## Pmk. M.B. jelaskan kedudukan projek2 perkembangan kerajaan

**BANDAR BRUNEI.** — Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Pemangku Menteri Besar Brunei menyatakan bahawa raayat negeri ini ada-lah di-galakkan untok membuka perusahaan2 yang di-kehendaki mereka baik yang merupakan chara persendirian walau pun dengan chara perusahaan bersama dengan niagawan luar.

Beliau menyatakan demikian ketika memberikan penjelasan2 dari beberapa keraguan ahli2 yang di-pilih dan di-lantek dalam Majlis Mashuarat Negeri yang menyambong sidang-nya pada hari Rabu lepas.

Beliau berkata, ada-lah diharapkan supaya ahli2 perniagaan di-negeri ini akan memenohi peluang2 yang ada itu.

Pemangku Menteri Besar telah mengulas pandangan2 yang menyarankan bahawa ranchangan2 kemajuan Kerajaan hendak-lah di-laksanakan sa-tepat2-nya sapertimana tepat-nya Apollo 8 turun ka-bumi pada tempat yang di-jadualkan.

"Perbandingan itu, kata beliau, ada-lah terlalu jauh beza-nya antara kemajuan2 yang di-chapai di-negara2 Barat yang sudah terdahulu maju jika dibanding dengan negara kita yang baru mengurak langkah ka-arrah kemajuan".

Perbandingan itu di-sifatkan beliau ada-lah seperti "bumi dengan langit" hubungan-nya dengan kita.

Beliau menjelaskan, projek2 yang kita jalankan itu bukanlah dapat di-chipta dengan serta-merta, bahkan ia-nya

memerlukan penyelidekan ter-lebeh dahulu bagi memastikan boleh tidak-nya projek2 itu di-laksanakan.

"Ada kala-nya, tegas beliau, projek2 yang di-chadangkan itu sa-sudah di-jalankan penyiasatan dan penyelidekan telah tidak dapat di-laksanakan di-sebabkan beberapa perkara yang menyukarkan.

"Sebab itu-lah, sa-tengah2 projek yang di-ranchangkan Kerajaan belum dapat berjalan hingga sekarang ini", jelas beliau.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar telah juga menyatakan kekesalan beliau atas sikap yang di-tunjukkan oleh sa-tengah2 ahli yang di-pilih terhadap ranchangan2 kemajuan Kerajaan.

"Ahli2 yang terhormat itu", kata beliau, "telah tidak menampakkan puas hati mereka terhadap kemajuan2 yang di-buat oleh Kerajaan".

Beliau berkata, ini berarti ahli2 yang terhormat berpendapat bahawa kemajuan yang ada sekarang telah tidak mendatangkan faedah langsung kapada raayat.

(LIHAT MUKA 8)

### WANG LAMA TIDAK LAKU MULAI ESOK

**BANDAR BRUNEI.** — Wang2 kertas dan shiling lama yang di-keluarkan oleh lembaga Pesuruhjaya2 Mata Wang Malaya dan British Borneo akan tidak sah di-pergunakan mulai esok, 16 Januari.

Ini berarti bahawa pada dan sa-lepas tarikh tersebut tidak sa-orang pun akan bertanggung jawap di-sisi undang2 untok menerima wang2 kertas dan shiling lama itu bagi pembayaran kerana barang2 dan perkhidmatan2 atau bagi menjelaskan hutang piutang.

Orang ramai yang maseh mempunyai wang2 kertas dan shiling lama itu ada-lah di-nasehatkan supaya dengan segera menukarkan-nya dengan wang kertas dan shiling Brunei tidak lewat dari hari ini, 15 Januari.

Wang2 kertas dan shiling lama boleh di-tukar dengan wang2 kertas dan shiling Brunei di-semua bank di-seluruh negeri ini.

# Perkembangan Belia di-Brunei sa-umpama pokok yang tumbuh-nya sa-makin subur



Yang Berhormat Awang Abd. Aziz Umar — bekas Yang Di-Pertua M.B.B.

PADA Kongres Perwakilan Majelis belia2 yang telah di-rasmikan pembukaannya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei Darulsalam pada tahun lepas saya telah menengaskan bahawa Badan2 Belia di-seluruh tanah ayer akan terus mengetatkan lagi usaha2-nya dalam bidang2 sosial dan ekonomi terutama sekali usaha2 yang merupakan dan membolehkan lagi menambah pendapatan serta meninggikan taraf hidup belia2 khusus-nya. Alhamdulillah pada tahun yang baru saja kita tinggalkan itu Badan2 Belia di-negeri ini telah pun menjalankan usaha2 mereka menurut dasar yang telah di-chatetkan itu. Kedai2 kecil yang telah pun di-jalankan terus di-perelokkan, yang belum terdapat telah pun di-adakan, pengangkutan2 telah bertambah bilangannya, perusahaan2 yang berupa pertanian dan perikanan telah mula di-masoki serta akhir2 ini pehak belia2 telah pun chuba melangkah ka-arrah ranchangan permakanan sekolah2. Pada peringkat negara pula usaha2 yang berupa asas bagi menubuhkan badan2 Pusat Perekonomian telah mula di-ranchangkan sa-chara yang praktik dan rundingan2 mengenai dengan hal ini sedang berjalan dengan baik. Pendek kata usaha Awang2 dan Dayang2 sekaligus itu telah mula muncul dan ada di-antara-nya pula telah dapat di-nikmati hasil usaha-nya yang mendatangkan faedah. Izinkan-lah juga saya menyatakan bahawa kejayaan Awang2 dan Dayang2 dalam segi ini bukan saja telah terbukti kepada kita sekalian di-dalam negeri ini bahkan juga telah mendapat pengakuan dan di-akui oleh Pertubuhan Belia2 Sa-Dunia ya'ani World Assembly of Youth dalam laporan tahunan-nya yang bermaksud:—

"Bahawa Brunei telah mengulakan dalam bidang ini dan negara2 lain telah mengikut dan menyuntahi mereka ya'ani Brunei."

Dalam bahagian sosial, selain dari pergerakan yang berchorak sokan dan kebudayaan serta pendidikan, pehak belia2 dari segenap pelusok negeri telah menyumbangkan tenaga raksaksa-nya bagi ikut sama pada menjayakan dan memeriahkan lagi Istiadat Berpuspa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan. Dalam segi ini saya sangat bersukor ka-hadizat Illahi dan memberikan pujian yang tertinggi kepada Awang2 dan Dayang2 kerana tenaga raksaksa itu telah disumbangkan secara sukarela yang tidak membilang sebarang upah tetapi senantiasa di-asaskan kepada ta'at setia dan hasrat un-

*BERIKUT ia-lah ucapan Yang Di-Pertua Majelis Belia2 Negeri Brunei, Yang Berhormat Awang Aziz Umar di-Kongres Agong Perwakilan Majelis Belia sa-Negeri yang berlangsung di-Dewan Raya pada 1 Januari, 1969.*

*Awang Aziz berkhidmat sa-bagai Yang Di-Pertua MBB sa-lama dua tahun ia-itu 1967—1968.*

*Dalam Kongres itu pembubaran jawatankuasa tertinggi MBB bagi Tahun 1967—1968 telah di-lakukan dan berikutan dengan itu tempat beliau telah di-serahkan oleh Kongres bagi perkhidmatan 1969—1970 kepada Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa, Haji Mohammad Zain bin Haji Serudin.*

*Ucapan Awang Aziz ini ada-lah merupakan laporan kegiatan dan perkembangan belia di-sepanjang tahun 1967—1968 yang banyak menitek-beratkan kepada usaha2 belia ka-arrah kebajikan dan juga pandangan bagaimana perkembangan belia Negeri Brunei sa-terus-nya.*

*Untuk itu sama2-lah kita ikuti ucapan itu seperti berikut:*

tok ikut sama menjayakan Istiadat Berpuspa itu. Oleh yang demikian kepada Pemimpin2 dan Seluruh Anggota2 Belia dari seluruh tanah ayer saya ucapkan tahniah yang sa-tinggi2-nya atas usaha dan kejayaan Awang2 dan Dayang2 sekalian.

Memandang kepada kejayaan dan betapa praktik-nya penumpukan tenaga kepada bidang usaha ekonomi itu sambil meneruskan aktiviti2 yang berupa sosial dan kebudayaan bagi tahun yang sedang kita tempoh ini belia2 dari seluruh tanah ayer akan terus mengetatkan lagi usaha2 yang sedang di-jalankan pada masa ini. Sa-laras dengan ini sebagai belia2 yang ingin dan berniat dengan menjadikan diri masing2 sebagai sa-orang raayat Brunei yang bertanggung-jawab dan menumpukan ta'at setia-nya kepada Raja dan Negara-nya saya ingin berseru supaya usaha2 yang berchorak sosial dan perekonomian itu; sama ada yang berupa kedai2 kecil, sharikat kerjasama projek2 pertanian dan perikanan serta permakanan atau pun yang berupa perhimpunan2 sosial dan sa-umpama-nya hendak-lah semata2 di-asaskan dan di-tujukan kepada satu matalamat yang boleh menghampirkan diri kita lagi kepada titah seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan yang akan menjadikan Islam itu sebagai satu chara hidup yang bahagia dan lengkap di-negeri ini yang mana telah dititahkan oleh Baginda pada hari2 yang bersejarah ia-itu sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun lepas dan pada tahun ini. Dalam bidang pelajaran dan pendidikan saya harap dan perchaya Awang2 dan Dayang2 melalui Pemimpin2, Belia masing2 akan dapat di-ator satu siri perbinchangan mengenai dengan konsep hidup yang telah di-titahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda itu. Mudah2an usaha2 Awang2 dan Dayang2 itu akan menimbulkan chahaya2 bahagia, dan sentiasa di-berkati oleh Allah subhanahu wata'ala jua hendak-nya.

Selain dari itu Belia2 dari seluruh tanah ayer, melalui badan2 mereka sendiri, akan terus berusaha dan mengambilkan usaha2 yang saya sebutkan itu menurut Undang2 Negara dan tata-tertib akal fikiran yang sehat dan sempurna. Jika sekira-nya ada terdapat gulungan atau sektor2 yang mensifatkan usaha2 belia2 di-negeri ini terutama sekali usaha2 perekonomian itu sebagai satu

langkah atau tindakan untuk memajukan usaha2 ekonomi bangsa Melayu khas-nya, dan jika terdapat di-gulungan2 yang saya sebutkan itu mempunyai kepercayaan bahawa kerapian organisasi dan aktif-nya badan belia2 di-negeri ini telah melumpuhkan badan2 lain seperti badan siasah, dan jika terdapat pendapat2 dikalangan2 yang saya sebutkan itu bahawa pemuda-pemudi di-negeri ini ada-lah sa-bagai satu kuda tonggangan kepada orang2 yang tertentu; maka semua pendapat2 dan kepercayaan2 itu ada-lah tanggong-jawab mereka yang menuduh itu sendiri. Majelis Belia2 Negeri Brunei dan Belia2 dari seluruh tanah ayer akan terus mengator langkah dalam usaha2 yang tidak bertentangan dengan Undang2 Negara dan yang berasaskan akal fikiran yang sehat dan sempurna serta chuba menghampirkan diri lagi kepada konsep hidup yang telah di-titahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan itu. Dengan ini juga saya menegaskan bahawa Belia2 dari seluruh tanah ayer tidak percaya kepada taktik dan chara2 mendapatkan popularity dari kalangan masyarakat dengan jalan mengancam atau pun menghadapkan tuduhan yang sama sekali tidak berasas, terhadap sesuatu kerana taktik dan amalan yang seperti ini telah pernah mendatangkan keburukan kepada negeri Brunei yang sama2 kita cintai ini. Oleh yang demikian kepada gulungan2 yang saya sebutkan itu jika benar2 ada terdapat di-masyarakat Brunei Darul-salam ini saya ingin berseru supaya amalan2 yang seperti ini akan di-berhentikan dengan serta-merta jika benar2 ada perasaan cinta dan ta'at setia mereka terhadap bangsa, negeri dan kedaulatan Raja Negeri Brunei Darul-salam ini.

Awang2 dan Dayang2, Pemimpin2 serta Perwakilan Belia yang hadir di-majlis ini. Dalam perbinchangan yang akan sama2 kita hadapi pada hari ini kita akan membichangkan, meneliti serta mengelokkan lagi usaha2 kita pada tahun yang akan datang menerusi laporan2 tahunan, kunci kira2 tahun 1968 dan kerta2 kerja yang berupa usaha2 untuk meneruskan serta mengetatkan lagi pergerakan2 belia2 sama ada yang berupa antara bangsa mahu pun di-dalam negeri. Selain dari itu Awang2 dan Dayang2 dari keempat daerah juga akan dapat melafadzkan



Y.D.M. Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Haji Md. Zain — Yang Di-Pertua baru M.B.B.

ucapan2 yang berupa penanggihan yang mana isi ucapan2 itu akan di-amal ingatan untuk sebarang panduan yang di-fikirkan perlu dan berpatutan bagi faedah2 dasar pimpinan belia melalui Majelis Belia2 kepunyaan kita bersama ini.

Awang2 dan Dayang2 juga pada hari ini akan memilih Ahli2 Puchok Pimpinan bagi tempoh sa-lama dua tahun seperti yang telah di-lakukan sudah2. Untok ini izinkan-lah saya menegaskan bahawa Badan2 Belia di-negeri ini seperti juga dengan sesuatu masyarakat yang sehat adalah satu kumpulan Badan2 yang boleh di-katakan dinamik. Mithal-nya masalah2 yang di-hadapi oleh Majelis Belia2 apabila ia-nya mula di-tubuhkan pada tahun 1957 ada-lah berlainan dengan masaalah2 yang kita telah hadapi dalam empat tahun yang sudah dan juga akan terus ada perlainan pada tahun2 yang akan datang. Seperti kehidupan tanam2an, dahan2 dan ranting2 serta daun2 yang tidak pernah dilihat dahulu telah mulai muncul; kemudian merupakan pokok yang muda dan sa-telah itu menjadi pokok dewasa dan akhirnya merupakan satu daun yang tua dan chukup masa-nya dengan sendiri-nya jatuh dan boleh menjadi baja kepada pokok itu juga. Dengan proses ini maka pokok itu semakin lama semakin subur kukuh dan memberi hasil kepada yang mengusahakan-nya. Jadi bagaimana dinamik-nya kehidupan pokok ini begitu-lah juga proses kehidupan badan2 belia di-seluruh tanah ayer kita yang di-chintai ini. Dengan sebab itu lah dalam pemilihan kelima2 pemimpin Tertinggi hari ini saya harap dan perchaya Awang2 dan Dayang2 sekalian akan dapat menumpukan tenaga masing2 untuk memikirkan dan memilih setelti2-nya pemimpin2 itu supaya dapat memasokkan muka2 yang baru dalam badan puchok pimpinan itu. Dengan chara ini pengalaman pemimpin2 yang maseh lagi dalam badan puchok pimpinan bagi tahun hadapan itu akan menyalin dan menurun-temurunkan sistem2 pimpinan itu kepada pemimpin2 atau mu'a2 baharu yang akan Awang2 dan Dayang2 pilih pada hari ini. Insha-Allah dengan niat yang suchi lagi baik proses yang seperti ini mempunyai kemungkinan besar untuk menambah lagi kederasan aktiviti Awang2 dan Dayang2 yang mana akan menjadikan badan2 Belia2 di-negeri ini lebih dinamik daripada yang sudah2 kerana daun2 yang lama itu akan mula menggugurkan diri-nya dengan menjadikan baja kepada pokok2 yang asal itu tadi dan daun2 baharu pula mula muncul menggantikan tempat yang kosong oleh datok nenek-nya itu. Dengan itu pokok2 itu akan hidup dengan se-

(Lihat Muka 6)

## KHUTBAH JUMA'AT

MASAALAH pertanian di-negara2 yang sedang membangun, termasuk-lah Negeri Brunei ini merupakan satu daripada masaalah2 besar yang di-hadapi dan menghendakki penyelesaian2 yang tepat dan segera.

Pada 28 haribulan Disember 1968, Persekutuan Persatuan2 Peladang telah mengadakan mashuarat agong-nya bertempat di-Madrasah, Bandar Brunei. Mashuarat tersebut telah di-buka dengan rasmi-nya oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Awang Mohamed Jamil yang mana beliau telah menegaskan sabagai berikut:

"Bahawa bangsa2 bersatu sedang menghadapi masaalah pertambahan penduduk2 dunia yang dari satu masa ka-satu masa semakin melambong tinggi yang mana pertambahan itu sangat sukar untuk mengurangkan-nya. Akibat dari bertambah-nya penduduk dunia itu bererti telah ujud-nya lagi suatu kewajipan dan bebanan yang berat kepada manusia untuk mengadakan makanan yang mencukupi kepada penduduk yang bertambah itu. Perkara ini bukan-lah satu kewajipan yang kechil yang dianggap inting sahaja, ini adalah satu masaalah yang sangat rumit untuk di-selesaikan dan menchari jalan untuk mengusahakan sa-hingga perkara ini dapat di-atasi. Jika masaalah ini terbiar begitu sahaja dengan tidak di-usahakan atau di-pandang ringan sahaja atau di-chakap2kan sahaja dengan tidak di-perbuat maka akibat yang maha dashat akan di-tempoh oleh manusia yang kekurangan makanan itu, ia-itu kelaparan."

Masaalah kekurangan bahan makanan atau dengan perkataan lain masaalah kelaparan rapat hubongan-nya dengan pergolakan dunia, perkara ini ditegaskan oleh pehak tersebut sa-bagai berikut:

"Kemakmoran dan nikmat yang kita rasai pada masa ini

# Pertanian merupakan

## sumber terbesar utk menguatkan ekonomi sa-sebuah negara

**Peladang2 di-seru berusaha menambahkan hasil pertanian**

bukan-lah menjadi satu jaminan untuk menentukan bahawa apa yang kita itu akan kekal salama2-nya walau pun negara kita ini mempunyai kekayaan yang melimpah2. Akan tetapi jika terjadi sa-suatu pergolakan dunia, seperti yang terjadi pada masa peperangan (Fasfik) mungkin kita akan menghadapi kelaparan sa-bagaimana yang telah kita alami dalam masa perang Jepun dahulu, jika tidak berusaha dari sekarang."

Sa-lanjut-nya Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja telah menyentoh berhubung dengan masaalah petani2 di-negeri ini dengan berkata seperti berikut:

"Waktu saya melawat kampung2 dahulu waktu saya menjadi nazir sekolah2 dan menjaga hal ehwal pertanian sekolah saya lihat memang petani2 di-seluruh pelusok negeri ini memang ada mempunyai semangat untuk menjadi petani, sa-kadar semangat mereka itu hanya tinggal semangat sahaja tidak di-penuhi dengan ilmu pengetahuan sains dan teknologi bagaimana petani2 di-seluruh dunia. Perkara ini saya perchaya Pengarah Pertanianlah orang yang memang pakar dalam perkara ini akan memberi sumbangan kepada saudara2."

Sa-benar-nya masaalah pertanian banyak mempunyai perkara2 yang berkehendakkan penyelidekkan dan penyiasatan, jika benar2 masaalah pertanian mahu di-usahakan dengan suggoh2 dan mahu menchapai hasil-nya yang memuaskan.

Kerana pertanian ada-lah merupakan salah satu sumber yang terbesar kepada sa-buah



negara untuk menguatkan ekonomi negara tersebut dan merupakan tempat bergantung kehidupan raayat yang sentiasa yang memerlukan bahan makanan yang di-hasilkan oleh bidang pertanian.

Pertanian ia-lah menggunakan tanah dengan sa-baik2-nya bagi mendapatkan hasil yang sa-banyak2-nya, perkara ini ditinjau dari sudut Ugama adalah di-galakkan kerana Tohan menchiptakan bumi dan apa yang ada di-atas dan di-dalamnya ia-lah untuk kepentingan manusia sa-bagaimana firman-nya dalam suratul Albakarah ayat 29 yang bermaksud:

"Tohan yang mengadakan apa yang ada di-bumi kesemua-nya untuk kamu."

Oleh itu ada-lah di-serukan khas-nya kepada peladang2 di-negeri ini untuk berusaha dengan giat-nya bagi menambahkan kemakmoran negeri ini dengan hasil2 pertanian.

## Sa-buah lagi balai raya bagi Daerah Temburong

TEMBURONG — Sa-buah lagi balai raya akan di-bena di-Daerah Temburong ia-itu yang ke-dua belas dan yang terakhir di-bawah ranchangan kemajuan luar bandar bagi daerah tersebut.

Sa-orang juruchakap Pejabat Daerah berkata, ranchangan2-nya telah pun di-susun dan

pembinaan bangunan itu akan di-mulakan tidak lama lagi.

Bangunan balai raya tersebut serupa dengan 11 buah yang lain-nya akan menelan belanja sa-banyak \$12,000.00.

Balai raya itu akan di-gunakan oleh orang2 kampung untuk mengadakan mashuarat dan lain2 perjumpaan.

## Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 15 Januari, 1969 hingga ka-hari Selasa 21 Januari, 1969 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
15 Jan.		12-35	3-55	6-31	7-43	5-01	5-16	6-33
16 Jan.		12-36	3-57	6-32	7-44	5-04	5-18	6-35
17 Jan.		12-36	3-57	6-32	7-44	5-04	5-18	6-35
18 Jan.		12-36	3-57	6-32	7-44	5-04	5-18	6-35
19 Jan.		12-36	3-57	6-32	7-44	5-04	5-18	6-35
20 Jan.		12-36	3-57	6-32	7-44	5-04	5-18	6-35
21 Jan.		12-37	3-58	6-34	7-46	5-06	5-20	6-35

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



15 Januari, 1969.

**PERKHIDMATAN  
PENDALAMAN**

**T**ELAH di-bawa ka-Dewan Majlis Mashuarat Negeri tentang bagaimana pegawai2 kerajaan berkhidmat di-pendalaman yang menempoh berbagai2 kesukaran dan tentang sa-tengah2 guru2 agama yang mengajar di-pendalaman yang terpaksa tinggal di-rumah2 yang berbentuk "sulap."

Ini tidak-lah terhad hanya kepada guru2 agama sahaja, bahkan kita perchaya pengalaman yang serupa malah lebih dari itu di-tempoh juga oleh guru2 sekolah2 Melayu di-pendalaman dan juga oleh pegawai2 dari jabatan2 yang mempunyai tanggung-jawab di-pendalaman seperti tanah, ukor, perubatan, penerangan, kesihatan, penerangan agama dan lain2.

Kapada pegawai2 itu kesukaran2 yang mereka tempoh bukan-lah merupakan perkara yang luar biasa bagi mereka, bahkan kesukaran itu di-anggap mereka sa-bagai satu perkara yang mesti berlaku ketika kita di-serahkan untuk berkhidmat di-pendalaman. Bagi pegawai2 yang melaksanakan khidmat dengan melalui sungai2 untuk menemui penduduk2 di-pendalaman, mereka tau benar akan anchaman "karangan" yang ayer-nya mengalir deras dan terdengar juga berita2 kemalangan kerana-nya.

Dari sini ada-lah jelas bagi kita tentang penujian yang sa-benar dalam memberikan perkhidmatan2 yang di-perlukan oleh penduduk2 pendalaman yang memerlukan bimbingan yang sa-wajar-nya.

Pegawai2 itu memberikan perkhidmatan dengan keikhlasan dan kejujuran dengan penuh semangat kesedaran terhadap perbaikan masyarakat bangsa penanaman kesedaran beragama di-kalangan penganuf2 agama Islam di-pendalaman dan penerangan2 tentang keadaan negara yang semakin berkembang.

Atas khidmat mereka yang tidak mengenal kesusahan ini, kita harus bersama2 dengan Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama bagi mengucapkan "shabas" kepada mereka dan mengucapkan sa-tinggi tahniah yang terbit dari rasa penuh simpati.

Walau pun bagitu kesukaran2 yang mereka tempoh itu tidak-lah bermakna di-alami mereka saban kali dan ini ada-lah bergantung kepada keadaan chuach.

Untuk mengurangkan kesulitan itu, Kerajaan telah mengadakan perkhidmatan dengan menggunakan helikopter dan mengadakan peruntukan untuk pembersehan sungai2 serta mengadakan kemudahan2 yang di-perlukan, di-samping memberikan aloan2 perkhidmatan menurut taraf jawatan masing2.

Kerajaan tidak-lah memandang dengan sa-belah mata sahaja akan kesusahan mereka itu, bahkan usaha berjalan dari masa ka-masa bagi pelicinan perjalanan perkhidmatan2 di-pendalaman.



Gambar atas menunjukkan ahli2 Persatuan Peladang Kampong Pulau Berbunut ketika berada di-pusat pertanian Kilanas.

**Perchubaaan  
penanaman  
lada sulah**

**BANDAR BRUNEI.** — Jabatan Pertanian sekarang ini sedang menjalankan penyiasatan mengenai penanaman lada sulah untuk mengatahui apakah bantuan yang dapat di-berikan oleh jabatan itu kepada penanam2 lada sulah di-negeri ini.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pertanian berkata, penyiasatan itu sedang di-jalankan oleh Awang Saman bin Haji Lamat dan akan tamat pada penghujung bulan ini.

Juruchakap itu berkata, sa-lepas penyiasatan itu di-jalankan, jabatan pertanian akan chuba menchari jalan untuk menolong peladang2 bagi memperbaiki chara penanaman lada sulah dan ada-lah di-harapkan pada masa yang akan datang jabatan itu akan dapat menolong dalam pemasaran lada sulah.

Juruchakap itu menerangkan bahawa ini ada-lah sukar kerana harga lada sudah ada-lah bergantung kepada harga pasaran dunia.

Sementara itu, juruchakap itu menambakkata, jabatan pertanian sekarang membuka kebun lada sulah di-pusat pertanian Lumapas.

**LAWATAN PELADANG BERBUNUT  
KA-PUSAT PERTANIAN KILANAS**

**KILANAS.** — Pegawai Penguasa Pusat Pertanian Kilanas, Awang Johan bin Untak, telah menyeru anggota2 Persatuan Peladang, supaya menggunakan chara berchuchok tanam yang moden, yang mereka pelajari, semasa menjalani kursus pertanian, yang di-anjorkan oleh Jabatan Pertanian.

Awang Johan berkata, ada-lah menjadi tanggung jawap Persatuan Peladang di-tiap2 kampong, untuk meninggikan taraf pertanian.

Beliau telah beruchap kapada 57 orang anggota Persatuan Peladang Kampong Pulau Berbunut, yang melawat pusat itu pada hari Sabtu lepas sa-telah tamat menjalani kursus pertanian sa-lama lima hari di-kampong mereka.

Ketua Kampong Pulau Berbunut, Awang Damit bin Mat Rais, bagi pehak Persatuan Peladang Kampong Pulau Berbunut, telah menguchapkan terima kaseh kapada Jabatan Pertanian, kerana menganjorkan kursus itu.

Rombongan yang di-ketuai oleh Awang Budiman bin Abang, juga di-bawa menggun-

jongi berbagai bahagian di-pusat pertanian itu.

Mereka kemudiam-nya di-bawa melawat Pusat Pertanian Sharikat Minyak Shell di-Sinaut.

**\$926,000.00**

**bayaran aloan**

**penchen tahun lalu**

**BANDAR BRUNEI.** — Jabatan Penchen pada tahun lalu, telah mengeluarkan wang sa-banyak \$926,000.00 sa-bagai bayaran penchen2 tua dan aloan2 dalam kesusahan.

Pemangku Pengawal Penchen, Awang Moxsin bin Pukul berkata, lebih dari 4,300 orang menerima aloan pada tiap2 bulan.

Penchen tua sa-banyak \$20 sa-bulan ada-lah di-bayar kapada orang2 yang berumur lebih dari 60 tahun.

Dalam bulan Disember tahun lepas sa-ramai 4,241 orang telah menerima penchen tua. Dari jumlah tersebut, 3,314 orang bangsa Melayu, 477 orang China dan 256 orang Dusun, dan lain2-nya ia-lah Murut, Tagal, Punan, Nasrani, Jawa, sa-orang Jepon dan sa-orang bangsa British.

Jabatan itu juga membayar aloan2 kapada tanggungan orang2 yang menghidap penyakit tertentu yang menghalang mereka dari membuat sa-satu pekerjaan yang mendaftangkan hasil.

Awang Moxsin berkata, kadar aloan ada-lah berbeza di-antara \$20 hingga \$100 sa-bulan menurut tanggungan mereka.

Awang Moskin berkata, terdapat hanya tujuh orang yang menghidap penyakit otak dan 112 orang buta yang keluarga2 mereka menerima aloan dari jabatan itu.

**TAHNIAH KAPADA MURID2 UGAMA  
YANG LULUS PEPEREKSAN**

**BANDAR BRUNEI.** — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Kemaluddin telah menguchapkan tahniah kapada 146 orang murid2 lelaki dan perempuan dari semua sekolah2 Ugama di-seluruh negeri yang telah lulus peperiksaan Darjah VI pada tahun lalu.

Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota juga meng-

harapkan supaya mereka akan lebih bergiat lagi pada masa2 akan datang terutama dalam meninggikan taraf pelajaran Ugama Islam di-negeri ini.

Kapada mereka yang gagal dalam peperiksaan itu, Yang Amat Mulia telah menasehatkan supaya mereka akan berusaha dengan bersungguh2 lagi untuk mendapat kejayaan dalam peperiksaan yang akan datang.

## Meninggal dunia dlm pelayaran



**BANDAR BRUNEI.** — Sa-orang bakal Haji Brunei Awang Dagang bin Nudin (atas) dari kampung Mulaut, Sengkurong telah meninggal dunia pada 10 Januari lalu, dalam kapal Haji Anshun ketika dalam pelayaran ka-Jeddah.

Awang Dagang berusia 58 tahun, sa-orang buroh di-Pejabat Dearah Brunei-Muara yang pergi bersama isteri-nya Dayang Noralam binte Manggong, untuk menunaikan fardhu haji.

## Pemereksaan tahunan alat2 sukat dan timbangan

**BANDAR BRUNEI** — Pemereksaan tahunan ka-atas alat2 sukat dan timbangan di-Bandar Brunei yang bermula sejak 2 Januari lepas akan diteruskan hingga 27 Februari hadapan.

Pada 4 Mach 1969, pegawai dan kaki-tangan Jabatan Sukat dan Timbangan akan melawat ka-Muara, Serasa dan Batu Marang. Orang2 yang memiliki alat2 sukat dan timbangan di-kawasan tersebut ada-lah di-kehendaki membawa alat2 mereka ka-Muara untuk di-pereksa.

Dari 5 hingga 15 Mach, rombongan tersebut akan berada semula di-Bandar Brunei.

Pemereksaan yang serupa akan di-jalankan di-kampong2 Baru2 dan Berbunut pada 17 Mach.

Rombongan tersebut kemudian-nya akan berada semula di-Bandar Brunei dari 18 hingga 31 Mach dan dari 9 April hingga 12 April dan dari 21 hingga 30 April.

Di-Daerah Temburong, pemereksaan alat2 tersebut akan di-lakukan dari 15 April hingga 19 April.

Lawatan2 lanjut ka-Sengkurong, Tutong, Penanjong, Telisai, Danau, Tunggulian, Sungai Liang, Labu Estate, Bangar, Biang Estate, Pandaruan, Batu Apoi, Bukit Puan, Labi, Kuala Balai, Bukit Sawat, Pengkalan Siong, Kuala

# Ranchangan bekalan ayer \$12 juta bagi Daerah Belait

**KUALA BELAIT.** — Pegawai Daerah Belait, Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail telah menyeru ahli2 Majlis Mashuarat Daerah Belait supaya memberikan kerjasama dengan kerajaan dan menasihatkan kepada penduduk2 di-kawasan mereka masing2.

Pengiran Dato Paduka Momin membuat seruan tersebut ketika beliau mempengerusikan persidangan Majlis Mashuarat Daerah Belait yang telah berlangsung di-bilik persidangan Pejabat2 Kerajaan Kuala Belait pada hari Sabtu lepas.

Dalam ucapan tersebut, Pengiran Dato Paduka Momin telah menyentuh beberapa perkembangan yang telah di-laksanakan dan yang akan di-laksanakan oleh kerajaan pada tahun lepas.

Beliau berkata, beberapa buah bangunan telah selesai dibena pada tahun lalu dan akan dapat di-gunakan pada tahun ini.

Bangunan2 itu ia-lah Sekolah Pertukangan, Sekolah Ingeris Permulaan, Sekolah Melayu Lumut, balai pulis Labi yang lengkap dengan rumah2 pegawai, sa-buah dewan kemasyarakatan dan juga beberapa buah rumah dan batak untuk pegawai2 kerajaan.

Pegawai Daerah itu juga menyatakan bahawa kerja2 memperbesar dan mengukuhkan jalan raya dari Kuala Belait ka-Seria telah berjalan dengan lancar sementara kerja2 memasang lampu2 letrik di-jalan2 raya dalam kawasan lembaga Bandaran juga telah di-jalankan.

Mengenai dengan perkembangan2 luar bandar, Pengiran Dato Paduka Momin telah menegaskan bahawa dalam tahun lalu sa-panjang 63 batu jalan kecil dan 31 buah jambatan telah dapat di-siapkan. Kerja2 tersebut di-anggarkan menelan belanja lebih dari \$110,000.

Pengiran Dato Paduka Momin berkata, satu projek terbesar yang akan di-lancarkan di-Daerah Belait tahun ini ia-lah ranchangan bekalan ayer yang akan menelan belanja lebih kurang \$12 juta.

Beliau menegaskan bahawa ranchangan ini akan mengambil masa yang panjang dan menyeru penduduk2 di-situ supaya bersabar untuk menikmati hasil-nya.

Kata-nya, pada tahun ini sa-orang doktor gigi telah di-tempatkan bagi penduduk2 di-kawasan Seria dan Sungai Liang.

Menyentuh tentang meninggikan taraf hidup raayat yang

telah di-timbulkan oleh sa-orang ahli majlis itu, Pengiran Dato Paduka Momin menegaskan bahawa kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan sedang dan akan berusaha dengan sa-beberapa boleh untuk melaksanakan-nya.

Dalam persidangan tersebut satu usul telah di-luluskan yang meminta kerajaan supaya menempatkan sa-orang doktor khas di-Seria.

Usul tersebut telah di-ke-mukakan oleh Malai Mashor bin Malai Haji Abdul Hamid.

Beberapa soalan bertulis juga telah di-bentangkan oleh beberapa orang ahli yang mana telah mendapat jawapan yang memuaskan.

## Balai bomba Tutong siap bulan depan

**BANDAR BRUNEI** — Persiapan terakhir sedang di-jalankan ka-atas Balai Bomba Kecil di-Tutong.

Pengawal Perkhidmatan Bomba, Awang Lam So Man berkata, balai bomba tersebut di-jadualkan siap pada penghujung bulan depan.

Awang Lam berkata, kerja2 membena jambatan dekat balai bomba itu sedang berjalan dengan baik dan ia-nya juga di-jadualkan siap dalam bulan hadapan.

Beliau berkata, pembenaan balai bomba itu ada-lah salaras dengan dasar jabatan itu untuk membena balai2 bomba di-tempat2 yang ramai penduduk-nya di-seluruh negeri.

Balai Bomba itu di-bena khas bagi memberikan Daerah Tutong alat2 menentang kebakaran yang terator.

Awang Lam berkata, balai bomba Tutong akan mempunyai alat2 pemadam api yang moden sa-lain dari pam2 dan tangga2 penyelamat.

Balai bomba itu juga akan di-lengkapkan dengan dua buah moto bot dengan pam2 pemadam api yang boleh di-pindahkan.

Moto2 bot itu sekarang berada di-Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba, Bandar Brunei.

Balai bomba itu di-anggarkan menelan belanja sa-banyak \$260,000.

## PROJEK PERKEMBANGAN LUAR BANDAR DI-PERLUAS

**TEMBURONG** — Pegawai Daerah Temburong, Awang Johari bin Abdul Razak telah meninjau kemajuan perkembangan di-daerah tersebut.

Ketika di-interview pada minggu lalu, Awang Johari telah menyentuh terutama-nya tentang projek2 perkembangan luar bandar yang sedang diperluaskan di-semua bidang.

Beliau berkata, Daerah Temburong sekarang mempunyai jalan kecil yang berjumlah sa-jauh 70 batu yang telah dibena dalam masa 33 bulan yang lalu.

Awang Johari menambahkan dalam masa itu juga sa-banyak 197 buah jambatan telah di-bena.

Kata-nya, jalan2 kecil itu ada-lah memberikan kemudahan kepada penduduk2 kampong2 dengan tidak payah menggunakan moto2 sangkut dan sekarang mereka boleh membawa hasil pertanian mereka ka-bandar dengan melalui jalan darat.

Awang Johari berkata, jabatan-nya juga telah mengorek 40 buah telaga yang di-lengkapkan dengan pam2 dan tangki-nya sekali, Telaga2 tersebut sentiasa di-pereksa dan di-pelihara.

Beliau berkata sa-banyak 40 buah tambatan telah dibena untuk kegunaan penduduk2 lebih dari 15 buah kampong di-sepanjang sungai di-daerah itu.

## 'GEMA DARI MENARA' DI-TAYANGKAN DI-KAMPONG2

BANDAR BRUNEI. — Filem Ugama 'GEMA DARI MENARA' telah mula di-tayangkan kepada orang ramai di-Kampung2 dalam bulan ini.

Setiausaha Badan Penerangan Ugama Islam, Pengiran Abas bin Pengiran Haji Besar menyatakan filem itu telah di-tayangkan di-Kampung Batu Marang dan Kampung Pulau Beribun pada awal bulan ini, dan ia-nya akan terus di-tayangkan di-kampung2 yang lain.

Tayangannya Perdana filem itu telah di-adakan di-Panggung Boon Pang Baharu Bandar Brunei tahun lalu dan telah berhasil mengutip lebih \$12,000.00.

Sementara itu Persatuan Gerakan Masyarakat Pemuda Pemudi Kuala Belait telah mengutip sa-banyak \$1,151.00 hasil dari pertunjukan filem itu di-Panggung Marina Seria baru2 ini untuk derma tabung anak2 yatim di-Daerah Belait.



Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman.

## 20,000 ekor anak ayam di-bahagi2kan tahun lalu

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pertanian pada tahun lalu, telah membahagi2kan lebih dari 20,000 ekor anak ayam, dan 500 pikul makanan-nya, kepada 405 unit tempat ternakkan ayam, di-bawah rancangan tersebut.

Unit2 itu 235 di-Daerah Belait; 71 di-Tutong; 69 di-Temburong dan 30 di-Daerah Bru-

## AHLI2 MAJLIS MASHUARAT DI-SERU MEMBERIKAN NASEHAT2 YANG BERFAEDAH

TUTONG. — Pegawai Daerah Tutong Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammed Salleh berkata, kerajaan sentiasa melaksanakan projek2 yang penting dan berfaedah di-daerah itu.

Beliau menasihatkan penduduk2 di-daerah itu supaya bersabar kerana kata-nya, apa jua projek tidak akan dapat di-laksanakan sa-chara terburu2 dan semua-nya dengan sekali gos.

Pengiran Othman berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Mashuarat Daerah Tutong yang telah bersidang di-bilik persidangan pejabat daerah pada minggu lalu.

Beliau berkata, ada-lah

menjadi chita2 kerajaan untuk menjadikan bukan hanya Tutong, tetapi seluruh negeri sabagai sa-buah tempat yang moden sesuai dengan perjalanannya masa.

Kata-nya kerajaan berazam untuk meninggikan lagi taraf penghidupan ra'ayat dan penduduk2 di-daerah itu dan juga di-lain2 kawasan negeri ini.

Pengiran Othman berkata, kechaman2 sa-memangnya berlaku di-mana2 juga dan biasa-nya tidak berfaedah dan tanpa asas.

Beliau memberikan ucapan terimakasih kepada ahli2 majlis kerana kerjasama dan nasehat berguna yang di-berikan di-masa2 lampau.

Pegawai Daerah itu melahirkan harapan supaya ahli2 majlis akan terus memberikan kerjasama dan nasehat yang berfaedah dan jujur bagi kebaikan semua yang berkenaan.

Terdahulu sa-belum itu Haji Awang Hanafi bin M. Daud ahli mewakili Pekan Tutong dalam ucapan-nya telah memberikan ucapan terimakasih kepada pegawai daerah kerana kerjasama dan pertolongan dalam mencapai kemajuan di-daerah itu.

Beliau mengharapkan pegawai daerah itu akan terus bekerjasama dan meminta kerajaan menyediakan kemudahan2 yang lebih di-daerah Tutong.

Haji Awang Hanafi juga mengharapkan, projek2 yang belum lagi di-laksanakan, akan di-jalankan segera.

Beliau menyeru semua ahli2 dalam majlis supaya bekerja lebih giat untuk mencapai kemajuan2 di-daerah itu.

## 758 ORANG PENUNTUT LULUS SIJIL RENDAH PELAJARAN

BANDAR BRUNEI. — Saramai 758 orang penuntut dari 16 buah sekolah di-Brunei telah lulus peperiksaan L.C.E. atau Sijil Rendah Pelajaran, yang di-adakan dalam bulan Oktober tahun lalu.

Dari sa-jumlah 1,693 orang penuntut, lebih dari 44 peratus sahaja lulus, 589 orang penuntut mendapat pangkat A, dan 169 pangkat B.

Di-Daerah Brunei-Muara, sa-ramai 1,094 orang penuntut dari 8 buah sekolah, telah memasuki peperiksaan. Dari jumlah itu sa-ramai 371 orang penuntut telah lulus dengan mendapat pangkat A dan 115 mendapat pangkat B.

Penuntut2 lelaki SMMP mengatasi sekolah2 di-daerah Brunei-Muara, dengan 55.38 peratus lulus, dan di-ikuti oleh penuntut2 perempuan SMMP, dengan 50.29 peratus lulus, sementara Sekolah St. George's 48.27 peratus lulus.

DI-DAERAH BELAIT 473 orang orang penuntut dari 7 buah sekolah, yang memasuki peperiksaan, 197 mendapat pangkat A, dan 44 pangkat B.

Sekolah St. John, telah mengatasi sekolah2 di-daerah Belait, dan negeri, dengan 76.31 peratus dari murid2-nya lulus. Maktab Anthony Abell 59.72 peratus, dan St. Angela's

57.81 peratus. Di-Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong 23 orang penuntut lulus, 11 mendapat pangkat A dan 13 pangkat B ia-itu bersamaan 24.74 peratus.

Sementara itu, keputusan peperiksaan chalun2 persendirian, ada-lah seperti berikut: Daerah Brunei-Muara:— dari 244 orang penuntut, 39 lulus dengan pangkat A, dan 9 pangkat B. Dalam sijil SRP 2 pangkat A, dan 2 mendapat pangkat B, dari 75 orang yang mengambil peperiksaan LCE. Di-Daerah Tutong, dari 42 orang penuntut, 5 lulus pangkat A dan 2 pangkat B, dalam sijil SRP, sementara 2 dari 3 orang chalun lulus pangkat B LCE. Di-Seria dari 54 orang chalun yang mengambil peperiksaan sijil SRP, 5 lulus dengan mendapat pangkat A, dan 8 yang memasuki peperiksaan LCE sa-orang sahaja yang lulus dengan mendapat pangkat A.

Di-Belait dari 50 orang chalun yang mengambil peperiksaan SRP, dua orang sahaja yang lulus mendapat pangkat A, dan 19 orang chalun yang memasuki peperiksaan sijil LCE, 3 yang lulus mendapat pangkat A dan hanya sa-orang mendapat pangkat B.

nei-Muara, di-dirikan oleh peladang2 yang mengusahakan projek tersebut.

Menurut Pegawai Haiwan, Awang Subramaniam, semua unit2 itu, berjalan dengan baik, kechuali beberapa buah unit sahaja, yang di-dapati tidak memuaskan.

Kata-nya, dengan pelaksanaan rancangan itu, ada-lah di-harapkan, mereka di-kawasan luar bandar, akan memperoleh protein yang mencukupi, bagi kegunaan-nya sa-tiap hari, dari unit2 itu.

Baja2 juga, akan di-berikan kepada peladang2, untuk memelihara sayoran, dan pokok buah2.

Awang Subramaniam berkata, dengan kerjasama dari peladang2, maka kejayaan pelaksanaan rancangan itu, akan berjalan bersaingan untuk mendapatkan daging dan telur ayam yang mencukupi.

Kata-nya, tahun lalu, kejadian penyakit ayam telah berkurangan, ini ia-lah berikutan bertambah-nya usaha2 penjagaan dan perkhidmatan Haiwan.

Beliau menambahkan bahawa Jabatan Pertanian, pada tahun ini akan menumpukan usaha, bagi pembenaan unit2 di-Daerah2 Brunei-Muara, Tutong dan Belait.

## Perkembangan belia di-Brunei

(Dari Muka 2)

gar dan demikian-lah juga Majlis Belia2 akan sentiasa sa-imbang dengan keadaan dan perkembangan2 yang terdapat pada-nya dan di-sekeliling-nya.

Dengan keperchayaan bahawa proses ini ada-lah merupakan satu proses yang sehat dan berfaedah serta berkebaikan, maka izinkan-lah saya mengucapkan ber-banyak2 terima kasih atas kehor-matan dan keperchayaan yang telah Awang2 dan Danyang2 berikan pada saya selama empat tahun sebagai Yang Di-Pertua Majlis Belia2 Negeri Brunei kepunyaan kita bersama ini. Saya

penoh perchaya bahawa bakal pemimpin yang akan menggantikan diri saya pada hari ini akan terus memberikan tenaga keikhlasan dan kejujuran-nya dalam lapangan2 yang Awang2 akan hadapi pada tahun2 yang akan datang. Selanjut-nya, sebagai rekod saya ingin menchatetkan terima kasih dan penghargaan saya kepada semua pemimpin2 pusat2 dan daerah serta pemimpin2 kesatuan khusus-nya yang telah memberikan kerjasama mereka pada saya yang mana telah menyenangkan lagi pada saya dalam menjalankan tugas sebagai Yang Di-Pertua itu.

## Empat ampangan ayer di-bena tahun lalu

BANDAR BRUNEI. — Pejabat Daerah Brunei Muara telah siap membena ampangan ayer yang ke-empat dalam projek pembangunan luar bandar, bagi daerah itu dalam bulan Disember tahun lepas.

Pegawai Daerah Brunei Muara, Awang Ali bin Awang Besar berkata, perbelanjaan membena ampangan2 itu, ialah lebih dari \$41,000.

Awang Ali berkata, salah satu dari ampangan di-Tarap Bau untuk penduduk2 Kampong Setia telah di-bena dengan perbelanjaan sa-banyak \$4,000.

Beliau berkata, perbelanjaan membena tiap2 satu dari tiga buah yang lain-nya di-Petajian ia-lah \$11,483.00, Kampong Menteri \$7,325.00 dan Belimbing \$18,797.50.

Ini, kata beliau, termasuk harga paip, buroh dan bayaran pengangkutan dan lain2.

Awang Ali menambakkata bahawa semua kerja membena ampangan itu di-berikan kepada penduduk2 kampong di-kawasan2 masing2 sa-chara bergotong royong.

**946 orang  
pelajar kelas  
dewasa lulus  
bahasa Melayu**

BANDAR BRUNEI. — Saramai 946 pelajar kelas dewasa telah lulus dalam peperiksaan Bahasa Melayu dalam tahun lalu.

Sa-ramai 429 orang telah lulus dalam tingkatan permulaan, 268 orang telah lulus dalam tingkatan menengah dan 249 orang lulus dalam tingkatan lanjutan.

Sementara itu sa-ramai 28 orang dari 133 orang penuntut sekolah China telah lulus dalam peperiksaan Bahasa Melayu dalam peperiksaan yang telah di-adakan dalam bulan Nobember tahun lalu.

Peperiksaan itu telah diadakan di-sekolah Chung Hwa, Bandar Brunei, sekolah Chung Hwa, Kuala Belait dan sekolah Chung Ching, Seria.

Dari jumlah ini sa-ramai sembilan orang telah lulus di-Kuala Belait dan 17 orang di-Seria.

## LATEHAN PERGURUAN KURSUS (B) — 1969

PERMOHONAN2 ada-lah dipelawa daripada mereka2 yang belum berkahwin dan telah di-lahirkan dalam negeri Brunei, serta telah lulus peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Malaysia atau yang sa-banding dengan-nya di-dalam penghantar Bahasa Melayu atau Inggeris, untok memasoki latehan perguruan sa-lama tiga tahun di-Maktab Perguruan Brunei.

Sa-masa dalam latehan semua pemohon2 yang di-terima akan di-beri elaun saperti di-bawah:

### 32 orang anggota bomba tamat latehan

BANDAR BRUNEI. — Saramai 32 orang anggota bomba telah tamat latehan mereka di-ibu pejabat pasokan bomba di-Bandar Brunei dalam bulan lepas.

Sa-ramai 18 orang daripada mereka ia-lah dari Jabatan Penerbangan Awam telah menjalani latehan sa-lama tiga bulan dan baki-nya itu ia-lah dari ibu pejabat pasokan bomba telah menjalani latehan sa-lama enam bulan.

Sa-masa berkursus anggota bomba itu telah di-ajar chara2 menggunakan alat2 menentang kebakaran.

Sa-masa dalam latehan mereka telah di-ajar chara2 menggunakan alat2 menentang kebakaran dan chara2 pemeliharaan-nya.

Bagi tahun pertama dan kedua — \$180.00 sa-bulan.

Bagi tahun ketiga \$190.00 sa-bulan.

Jika pemohon itu di-beri tempat tinggal di-Asrama yang di-akui, sa-banyak \$60.00 daripada elaun di-atas akan di-potong pada tiap2 bulan.

Sa-belum di-terima masok, pemohon2 akan di-temuduga serta juga di-pereksa oleh doktor.

Pemohon2 yang di-terima masok akan di-kehendaki menanda tangani satu perjanjian dengan kerajaan Brunei atas sharat2 saperti di-bawah:

(a) Mereka tidak akan berkahwin sa-masa dalam latehan;

(b) Mereka atau penjamin2 mereka di-kehendaki membayar balek sa-penoh-nya kepada Kerajaan Brunei jika mereka berhenti sa-masa ma-seh dalam latehan;

(c) Mereka sanggop berkhidmat dengan Jabatan Pelajaran Brunei sa-lama sa-kurang2-nya lima tahun sa-lepas tamat latehan.

Semua penuntut2 yang berjaya dan tamat latehan akan di-masokkan ka-dalam tingkatan gaji yang sama dengan guru2 lain yang telah mempunyai kelulusan yang di-akui bagi perengkat tersebut.

Permohonan2 hendak-lah di-buat dalam borang2 yang sah yang boleh di-dapati daripada Pengetua, Maktab Perguruan Brunei, Peti Surat 391, Bandar Brunei. Borang2 yang telah di-isi hendak-lah di-kembalikan kapada-nya **tidak lewat daripada 25 Januari, 1969.**

## Mashuarat agong KAMPA

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Pelambayan akan mengadakan mashuarat agong-nya pada 17 Januari ini, mulai jam 8.00 pagi.

Menurut sa-orang juruchap persatuan itu, mashuarat tahunan itu akan di-rasmikan oleh Pesuruhjaya Kebajikan Masharakat Awang Salleh bin Haji Masri.

Pada hari itu juga, Persatuan Angkatan Tunas Harapan rengkas-nya PATUH akan melangsungkan mashuarat tahunan-nya di-bangunan persatuan itu di-Kampong Si-Raja Muda, Kampong Ayer mulai jam 8.00 pagi.

Mashuarat itu antara lain akan membinchangkan mengenai penubuhan sa-buah sharikat kerjasama.



## LEBEH \$3½ JUTA PERBELANJAAN TAMBAHAN TAHUN 1967 DAN 1968 DI-LULUSKAN

**BANDAR BRUNEI.** — Dua Rang Undang2 Perbelanjaan Tambahan bagi tahun 1967 dan 1968 yang berjumlah lebih dari \$3½ juta telah di-luluskan dalam persidangan Majlis Mashuarat Negeri yang bersidang pada hari Sabtu lepas.

Tambahan perbelanjaan bagi tahun 1967 berjumlah sa-banyak \$1,000,260.86 dan Tambahan perbelanjaan bagi tahun 1968 sa-banyak \$2,594,614.24. Kedua2 rang undang2 itu dikemukakan oleh Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negara, Dato Utama Awang

John Lee.

Sa-banyak tiga peruntukan jabatan termasuk peruntukan Perkhidmatan2 Rampaian telah mendapat perbelanjaan tambahan dalam angka ratusan ribu ringgit dalam tahun 1967.

Jabatan2 itu ia-lah Tanah sa-banyak \$556,000.00; Perkhidmatan2 Rampaian sa-banyak \$140,000.00; dan Tali-kom sa-banyak \$122,000.00.

Lain2 jabatan ia-lah Pejabat Daerah Tutong \$1,000.00; Kehakiman \$18,000.00; Perubatan dan Kesihatan \$42,510.00; Bandaran Kuala Belait dan Seria \$7,750.00; Bandaran Tutong \$22,000.00; Perkhidmatan Pos \$55,000.00; dan Kerja Raya \$36,000.00.

Lain2 jabatan ia-lah Pejabat Daerah Tutong \$1,000.00; Kehakiman \$18,000.00; Perubatan dan Kesihatan \$42,510.00; Bandaran Kuala Belait dan Seria \$7,750.00; Bandaran Tutong \$22,000.00; Perkhidmatan Pos \$55,000.00; dan Kerja Raya \$36,000.00.

Tujuan Rang Undang2 ini ia-lah untuk mengeluarkan sajumlah wang yang di-sebutkan dari Wang Fund Gegasan kerana perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan2 tahun 1967 dan menguntokkan-nya bagi beberapa maksud yang tertentu serta mengadakan ganti jumlah2 yang di-pinjam dari kumpulan Wang Fund Gegasan.

Dalam Rang Undang2 Perbelanjaan Tambahan bagi perkhidmatan tahun lepas (1968), sa-banyak 13 buah jabatan mengadakan perbelanjaan tambahan masing2.

Jabatan2 tersebut ia-lah Majlis2 Mashuarat sa-jumlah \$161,500.00; Adat Istiadat \$30,000.00; Hal Ehwal Ugama \$16,000.00; Kehakiman \$29,300.00; Buroh \$1,500.00; Tanah \$773,618.00; Perkhidmatan2 Rampaian \$704,442.30; Bandaran Brunei \$13,081.94; Bandaran K.B./Seria \$11,250.00; Bandaran Tutong \$3,500.00; Kerja Raya \$563,922.00; Ukor \$36,500.00; dan Talikom \$250,000.00.

Majlis Mashuarat itu telah di-tanggohkan sa-hingga persidangan yang akan datang ia-itu pada satu masa dalam bulan April, 1969.

## Masalah murid2 Ugama rendah

(Dari Muka 1)

di-sediakan yang menelan belanja lebih dari \$400,000.00 bagi pembinaan bangunan sekolah2 ugama rendah di-tempat2 yang di-fikirkan perlu diadakan bangunan2 itu nanti.

Yang Amat Mulia menche-ritakan tentang kesulitan yang telah di-tempoh bagi mendirikan bangunan2 itu, terutama tentang tapak2 tanah bagi menempat-nya dan kesulitan itu di-sifatkan beliau sa-bagai satu gangguan yang menyebabkan lambat-nya pembinaan di-laksanakan.

"Bukan hanya bangunan2 yang kecil, bahkan bangunan2 yang besar juga telah tergendala pembinaannya seperti yang terjadi ka-atas pembinaan bangunan Jabatan Hal-Ehwal Ugama di-Tutong yang hingga sekarang maseh lagi tidak dapat di-laksanakan", tegas beliau.

Beliau menyatakan bahawa ada-lah menjadi chita2 Kerajaan agar rancangan2 yang sudah di-buat itu akan berjalan dengan lancar-nya dan bukannya seperti yang di-sangkakan yang Kerajaan sengahaja melambatkan-nya.

Menyebut mengenai tegoran dari ahli kawasan pemilihan Ulu Belait yang mengatakan tentang ada-nya guru2 ugama yang bertugas di-pendalaman yang tinggal di-rumah2 yang merupakan "sulap". Yang Amat Mulia itu tidak menafikan akan keadaan tersebut, bahkan menguchapkan shukor dan berterima kaseh kepada guru2 itu.

"Ini ada-lah merupakan satu bakti yang nyata yang pegawai2 Kerajaan ada-lah benar2 berkhidmat untuk orang ramai, walau pun mereka menempoh beberapa kesulitan dan tinggal di-rumah2 yang merupakan sulap".

Beliau percaya bahawa hal itu bukan hanya berlaku kepada guru2 ugama sahaja, bahkan juga kepada pegawai2 Kerajaan yang lain yang bertugas di-pendalaman.

"Walau pun bagitu, hal ini bukan-lah berjalan untuk salama2nya dan perumahan untuk guru2 ugama itu akan di-bena juga, chuma rancangan itu biar-lah di-jalankan sa-chara yang menjimatkan."

## Penjelasan Pmk. M.B. terhadap rancangan2 kerajaan

(DARI MUKA 1)

Pemangku Menteri Besar bertanya apakah benar2 tidak berfaedah kemajuan2 yang di-laksanakan mithal-nya seperti mendirikan sekolah2, rumah2 sakit dan jalan2 raya, bekalan elektrik dan lain2 di-merata negeri.

"Apakah rancangan2 yang sa-umpama itu bukan untuk bakal menjamin kehidupan dan besar faedah-nya untuk raayat?" tanya beliau.

Menegaskan tentang tuduhan yang menafikan ada-nya dasar pelajaran di-negeri ini, Pemangku Menteri Besar berkata:

"Kalau Kerajaan tidak mempunyai matalamat, maka tidak akan ada kanak2 sekolah dari sekolah2 rendah berpe-luang untuk menuntut hingga ka-Universiti2. Kerajaan memang ada merancangkan supaya kanak2 itu mendapat saloran2 pengajian yang melayakkan ka-meraka menuntut hingga ka-jurusan2 kelayakan yang di-perlukan."

Mengenai kekurangan guru, Pemangku Menteri Besar berkata bahawa Kerajaan ada-lah menyedari akan hal tersebut.

"Sebab itu", tegas beliau, "usaha2 untuk mengatasi masalah ini ada-lah sentiasa berjalan dengan harapan mendapat faedah yang di-kehendaki."

Menyebut mengenai Maktab Perguruan yang di-katakan oleh sa-orang ahli majlis bahawa Kerajaan tidak mengalakan maktab itu, Pemangku Menteri Besar menjelaskan bahawa kita sudah ada sa-buah maktab perguruan, tetapi malang-nya di-sebabkan peristawa tahun 1962 dulu, maka maktab itu di-gunakan untuk menempatkan orang2 yang di-tahan hingga sekarang.

"Walau pun bagitu", tegas beliau, "Kerajaan akan membena sa-buah maktab yang baru bagi kepentingan lanjutan latihan guru di-negeri ini".

Pemangku Menteri Besar juga menyatakan tentang hasrat Kerajaan Brunei tentang membina jalan raya di-antara Temburong dengan Jalan Malaysia.

Terdahulu dari itu, wakil Temburong Yang Berhormat Awang Haji Abu Bakar bin Bawa telah mengemukakan pandangan-nya supaya perhubungan itu di-laksanakan memandangi pada hubungan per-sahabatan yang baik antara Brunei dan Malaysia.

Pemangku Menteri Besar menjelaskan:

"Brunei telah menyuarakan hasrat ini bukan hanya ka-sidang biasa, bahkan juga ka-majlis2 antara bangsa, tetapi kita tidak dapat berbuat apa2 kalau tidak di-persetujui".

Mengenai bekalan ayer, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara menyatakan rancangan2 Kerajaan untuk mengadakan sistem bekalan ayer yang lebih sempurna yang akan dapat memenohi keperluan2 orang ramai.

Menyebut tentang rancangan2 perpindahan, beliau menjelaskan bahawa Kerajaan tidak sekali2 berniat untuk menyusahkan orang2 yang di-pindahkan itu, bahkan Kerajaan berhasrat untuk meninggikan taraf hidup mereka dengan sa-baik2-nya.

(Dalam rancangan perpindahan Berakas, Kerajaan membekalkan 4 ekar tanah bagi satu keluarga untuk di-toreh sa-bagai mata pencaharian, tetapi di-sebabkan harga getah telah turun, maka ia-nya telah menimbulkan sungutan2, terutama di-kalangan ahli2 perpindahan).

"Kejadian ini", kata beliau, "bukan-lah dari kehendak Kerajaan, bahkan ia ada-lah merupakan takdir yang tidak dapat di-elakkan."

Pada masa Kerajaan merancang dulu harga getah tidak-lah seperti masa ini.

## Brunei punyai Pusat Belia yang moden di-Asia

**BANDAR BRUNEI.** — Pusat Belia yang baru bagi negeri ini di-jadualkan siap dalam penghujung bulan ini atau sa-lewat-nya dalam awal bulan Februari hadapan.

Pesuruhjaya Kebajikan, Awang Salleh bin Haji Masri ketika mengumumkan perkara ini berkata, walau pun bangunan itu siap seperti yang di-jadualkan, akan tetapi ia-nya belum dapat di-gunakan sa-hingga semua alat2 perabot dan lain2 ke-

lengkapan di-perolehi.

Pusat Belia yang di-bena bertentangan dengan Lapau baru itu telah menelan belanja sa-banyak \$2.2 juta.

Apabila siap nanti pusat belia itu ada-lah merupakan salah sa-buah pusat penghiburan yang chantek lagi moden di-bahagian dunia sa-belah sini.

Pusat tersebut mempunyai dewan perhimpunan yang boleh menampung sa-ramai 1,000 orang, sa-buah gym-

nasium, kolam bernang berukoran olympik, bilek urusan rumah tangga, bilek penghiburan dan asrama2 yang berasingan untuk lelaki dan perempuan.

Kerja2 membena pusat tersebut telah di-mulakan dalam bulan Ogos tahun 1967, apabila Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan yang pada masa itu menjadi Pengiran Mahkota meletakkan batu asas bangunan tersebut.